

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 43: 25 November 2024

UPSI 'ikuti' Sifu M. Nasir sejak 45 tahun dulu

Tanjong Malim, 23 November - Penyanyi yang juga komposer profilik, Datuk Dr. M. Nasir akan terus komited memperjuangkan dunia seni negara walaupun telah berumur 67 tahun. Pemilik nama Mohd Nasir Mohamed ini berkata, pengiktirafan Ijazah Kehormat Doktor Persembahan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) itu penghormatan yang amat besar bagi dirinya. "Sebenarnya mereka (UPSI) telah mengikuti perkembangan saya sejak 45 tahun dahulu sampai sekarang.

"Saya rasa penghormatan ini satu yang amat besar. Ini lumrah mereka mengangkat bidang seni setinggi mana yang boleh," katanya pada pemberita selepas Majlis Konvokesyen UPSI ke-26 di sini hari ini. Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim selaku Canselor UPSI berkenan menyampaikan ijazah kehormat itu kepada 'sifu' industri muzik negara ini. Beliau yang telah menghasilkan lebih 3,000 lirik lagu untuk kumpulan terkenal seperti Alleycats, Sweet Charity dan Flybaits akan meneruskan dunia seninya dengan terlibat dalam filem, konsert dan merakam lagu-lagu baru.

Dalam masa yang sama Nash atau nama sebenarnya Jamaluddin Elias adalah antara 7,172 graduan yang menerima diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (Phd) pada konvokesyen berkenaan yang bermula hari ini hingga 30 November. Selepas memperolehi Ijazah Sarjana Pengajian Persembahan secara APEL Q, penyanyi terkenal, Datuk Nash kini merancang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Phd). "Dengan sokongan keluarga, saya bercadang untuk melanjutkan pelajaran peringkat PhD selepas ini bagi mencari kepuasan dalam hidup sebagai anak seni," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima Ijazah Sarjana Pengajian Persembahan secara APEL Q pada Istiadat Konvokesyen Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Ke-26 di Dewan Besar Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City, di sini, hari ini. "Pihak universiti sudah sediakan tapak untuk pengiat seni yang berminat melanjutkan pelajaran dalam bidang atau kerjaya seni diceburi. "Peluang sudah ada, maka kena belajarlah bersungguh-sungguh. Jika kita berada di dalam bidang persembahan, maka kita kenalah belajar cara pengurusan persembahan dan teknikal.

"Alhamdulillah, saya rasa bertuah di negara ini terdapat universiti memberi peluang kepada penggiat seni," katanya. Mengenai kejayaannya memperolehi Ijazah Sarjana, Nash berkata umur bukan penghalang untuk beliau menyambung pelajaran apabila dapat menghabiskannya dalam tempoh dua tahun. "Cabaran memang besar sebab banyak tugas yang perlu disiapkan dalam keadaan mata sudah pun rabun. Namun Alhamdulillah, saya dapat siapkan dalam dua tahun," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



www.upsi.edu.my



UPSIMalaysia



upsi_malaysia



upsi_malaysia



UPSI_Malaysia



UPSI cemerlang di Malam Puisi Riong 2024

Kuala Lumpur, 22 November - Malam Puisi Riong 2024 menyaksikan kecemerlangan pelajar UPSI semasa menyertai pertandingan. Tiga penyertaan daripada UPSI iaitu Elvienie Petrus, Aiman Afiq Ismail dan kumpulan Adiwangsa Pujangga cemerlang di kedudukan lima teratas daripada lapan finalis bagi merebut kemenangan dalam Pertandingan Puisi sempena Malam Puisi Riong 2024 di Balai Budaya Tun Syed Nasir. Pertandingan yang julung kali diadakan ini menjadi acara apresiasi puisi BH membabitkan pelajar universiti

awam (UA) dimulakan seawal 9 pagi di Sudut Karyawan, Bangunan DBP.

Aiman Afiq Ismail berjaya mendapat Naib Johan membawa pulang wang tunai RM2,000 manakala Elvienie Petrus tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM1,000 manakala Adiwangsa Pujangga mendapat saguhati pulang bersama wang tunai RM500. Hadiah disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad (Media Prima), Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid. Menurut Aiman "Cabaran dalam menyampaikan

puisi bersama lakonan adalah suatu pengalaman baharu bagi saya dimana ia menuntut saya serta rakan-rakan dari UPSI untuk menterjemahkan karya kami ke dalam bentuk lakonan dan ia merupakan titik tolak yang baik bagi evolusi penyampaian puisi yang menurut saya mampu menarik pelbagai golongan terutamanya generasi muda dalam seni sastera namun harus kita kekalkan seni bahasa sastera sebagai usaha membudayakan sastera dalam kalangan masyarakat."

Penyelidik UPSI Cipta Aplikasi Interaktif Kod Tangan Bantu Murid Kurang Upaya Pendengaran

Kuala Kangsar, 21 November - Aplikasi ini diberi nama Aplikasi Kod Tangan Bahasa Melayu (ApKodBM) dan pembangunannya menggunakan Geran Penyelidikan Universiti Berteraskan Pendidikan (GPUBP). Pembangunan aplikasi mudah alih kod tangan bahasa Melayu ini dihasilkan bagi membantu murid-murid kurang upaya pendengaran mempelajari bahasa isyarat dengan lebih mudah. Selain itu, aplikasi ini turut digunakan oleh individu

perseorangan yang mahu mempelajari bahasa isyarat sebagai nilai tambah kepada penguasaan bahasa ketiga.

Tujuan utama pembangunan aplikasi ini adalah untuk membantu guru-guru di sekolah mengajar bahasa isyarat dengan berbantuan video pengajaran. Penghasilan aplikasi yang lebih interaktif ini diharap dapat meluaskan lagi pengajaran berbantuan multimedia interaktif. Inovasi yang dihasilkan

ini dapat membantu murid kurang upaya pendengaran belajar bahasa isyarat dengan lebih mudah kerana medium komunikasi yang utama dalam kalangan murid kurang upaya pendengaran adalah bahasa isyarat. Selain itu aplikasi ini juga dapat digunakan untuk mengajar murid yang tidak boleh bertutur dan perlu diajar bahasa isyarat untuk mereka berkomunikasi. Produk yang dihasilkan ini mempunyai potensi yang besar untuk dipasarkan terutamanya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga kepada pihak industri. Pembelajaran berasaskan teknologi pada masa kini menjadi satu keperluan terutamanya bagi mengajar golongan kurang upaya pendengaran belajar dengan lebih berkesan.

Produk penyelidikan ini telah mendapat pengiktirafan pingat perak di IUCEL KNOVASI XV pada September 2024 yang lalu.



Bicara Inspirasi Naib Canselor UPSI bersama Pelajar ISM Tahfiz Al-Quran dan Qiraat dengan Pendidikan

Tanjong Malim, 22 November - Sesi ramah mesra yang diadakan baru-baru ini antara Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff, bersama para pensyarah serta mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Qiraat dengan Pendidikan (AT36) telah menjadi satu platform yang amat berharga bagi mencetuskan semangat dan inspirasi kepada generasi huffaz UPSI serta memberikan peluang kepada pensyarah dan mahasiswa untuk berinteraksi dan berkongsi pandangan secara langsung dengan pihak tertinggi universiti.

Majlis ini diadakan di Bangunan E-Learning 8, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Kehadiran Naib Canselor ke program ini memberikan suntikan semangat kepada semua warga Institut Pendidikan Tahfiz dan

Turath Islami yang terdiri daripada 30 orang pensyarah dan 238 orang mahasiswa AT36.

Majlis bermula dengan sesi ucapan aluan daripada Profesor Dr. Azmil Hashim, Pengarah Institut Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami (IPTTI). Naib Canselor turut memberikan ruang kepada Azim Kasri selaku YDP Persatuan Tahfiz Qiraat (PTQ), Ustazah Ummikalsum Mat Lazim selaku guru tahfiz serta Prof. Madya Dr. Ibrahim Hashim selaku Penyelaras Akademi Pondok Bitara bagi memberikan ucapan.

Sebelum majlis berakhir, Naib Canselor juga turut membuka ruang dan peluang kepada pelajar dan pensyarah untuk bersoal jawab dan memberikan pandangan serta cadangan dalam menaikkan

keunggulan IPTTI dipersada negara dan antarabangsa.

Pertemuan ini menyaksikan Naib Canselor berkongsi pesanan-pesanan penting kepada para pelajar yang sedang mengembara di jalan ilmu dalam bidang tahfiz al-Quran dan qiraat di UPSI. Dalam suasana yang penuh keakraban dan semangat kekeluargaan, Prof. Datuk Dr. Md. Amin turut berkongsi lima pesanan utama yang diharap dapat membimbing pelajar dalam mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam pengajian serta kehidupan mereka kelak. Lima pesanan tersebut adalah pertama adab, akhlak dan akademik, kedua ilmu dan amal, ketiga minda inovasi, keempat minda global, dan kelima cinta dan bangga UPSI.

